

Telefon : 60-4-2614424
Fax : 60-4-2613003



PEJABAT KETUA MENTERI
10502 KOMTAR
PULAU PINANG, MALAYSIA

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : **PSUKPP/21/0504/1 Kit. 2(6)**

21 Jun 2017

YBhg. Datuk Seri Mohd Hashim bin Abdullah
Pengerusi
Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia
No. 2, Jalan P2T, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 Putrajaya
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

MELALUI KURIER

Amat Mustahak

YBhg. Datuk Seri,

PER: KERJA-KERJA PERSEMPADANAN SEMULA BAHAGIAN-BAHAGIAN PILIHAN RAYA PERSEKUTUAN DAN NEGERI DI NEGERI PULAU PINANG OLEH SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA MELALUI NOTIS SYOR-SYOR YANG DICADANGKAN SURUHANJAYA PILIHAN RAYA PADA 8^{HB} MAC 2017

Saya dengan hormat merujuk kepada perkara di atas.

Sepertimana pihak Datuk Seri sedia maklum, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah pada 7hb Jun 2017 memfailkan suatu permohonan bagi Semakan Kehakiman di Mahkamah Tinggi Pulau Pinang untuk membantah terhadap Syor-syor Suruhanjaya Pilihan Raya bagi Kerja-Kerja Persempadanan Semula Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Persekutuan dan Negeri di Negeri Pulau Pinang ("**Permohonan Semakan Kehakiman tersebut**").

Sejajar dengan menghormati kemuliaan badan kehakiman dan proses keadilan di Malaysia serta agar tidak mensia-siakan Permohonan Semakan Kehakiman tersebut, saya selaku Ketua Menteri Pulau Pinang dan wakil Kerajaan Negeri Pulau Pinang memohon pertimbangan daripada Datuk Seri agar penyerahan laporan akhir kepada Y.A.B Perdana Menteri mengikut peruntukan Seksyen 8, Jadual ke-13 Perlembagaan Persekutuan **ditangguhkan** sehingga Permohonan Semakan Kehakiman tersebut dilupuskan secara muktamad.

Kerjasama dan perhatian wajar Dato Seri berhubung dengan perkara ini amat dihargai.

Dalam apa jua keadaan, Kerajaan Negeri Pulau Pinang merizabkan segala hak kami.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



LIM GUAN ENG

Ketua Menteri Pulau Pinang

Salinan kepada –

Tetuan Leong & Tan
20, Jalan Keliling,
Taman Canning,
31400 Ipoh
Perak Darul Ridzuan

Secara Emel & Faks (05 546 5907)

Untuk perhatian: YB Leong Cheok Keng/Encik Yusof